

Headline	Natijah buruk dekati zina		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	20 Feb 2012	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	4	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	153 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,629
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,887



Natijah buruk dekati zina

KUALA LUMPUR: Islam bukan sekadar menghamkan umatnya melakukan seks di luar pernikahan, tetapi menghampiri unsur-unsur zina pun dilarang di dalam al-Quran kerana perbuatan itu memberi kesan sangat buruk kepada pelakunya.

Penasihat Pertubuhan Kebajikan Sahabat Insan dan Iman Malaysia (Sidim), Hanafi Abdul Malek berkata, agama lain turut melarang penganutnya melakukan hubungan seks luar nikah disebabkan keburukannya termasuk penyebaran HIV dan Aids.

"Jadi apabila ada individu yang dijangkiti HIV atau Aids disebabkan melanggan pelacur, ia berlaku kerana mereka melanggar hukum agama," katanya yang dihubungi, semalam.

Beliau mengulas muka depan Metro Ahad semalam mengenai perbuatan sebahagian pekerja seks dari China yang 'berkhidmat' di negara ini walaupun sedar mereka bakal dijemput ajal pada bila-bila masa kerana disahkan menghidap Aids atau pembawa HIV semata-mata untuk mengumpul duit mati sebanyak mungkin.

Pelacur China itu tidak menghadapi kesukaran untuk mengumpulkan sekurang-kurangnya RM30,000 dalam tempoh kurang sebulan kerana sebahagian besar memiliki pakej sebagai wanita idaman lelaki hidung belang di Malaysia seperti kulit putih gebu, montok dan tinggi lampai.



HANAFI...padah berzina



IMBAS...laporan Metro Ahad, semalam.

Mendedahkan perkara itu, Ketua Penolong Pengarah Cawangan Kongsi Gelap, Perjudian dan Maksiat (D7) Bukit Aman, Datuk Abdul Jalil Hassan berkata, wanita terbabit dikategorikan sebagai gred C iaitu sudah lama 'berkhidmat' sebelum ke Malaysia manakala wanita gred A dan B lazimnya menawarkan khidmat di negara sendiri atau negara maju yang mempunyai kuasa beli lebih tinggi.

Hanafi berkata, terdapat empat faktor seseorang itu melanggan pelacur iaitu memuaskan nafsu serakahnya, tetapi pada masa sama enggan memikul tanggungjawab, hendak berpoligami tetapi dihalang isteri, tiada kekuatan agama dalam diri serta ajakan rakan.